**NO. SOALAN : 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]** |
| **TARIKH** | **:** | **10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan pecahan sumber dana yang digunakan untuk Bantuan Prihatin Elektrik. Berapakah dana dari Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) yang digunakan dan baki dana KWIE.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang diumumkan pada 20 Jun 2020 adalah merupakan pemberian diskaun bil elektrik sehingga RM231 atau RM77 sebulan bagi tempoh penggunaan dari April hingga Jun 2020 kepada 7.66 juta pengguna domestik. Selain itu, BPE turut memberikan diskaun tambahan 8% kepada pengguna yang menggunakan elektrik dalam julat 601kWj sehingga 900kWj dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

2. Kos pemberian BPE adalah sebanyak RM1,061 juta. Pecahan sumber dana yang terlibat adalah RM701 juta daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), RM260 juta daripada Kementerian Kewangan, dan RM100 juta daripada Tenaga Nasional Berhad.

3. Baki dana KWIE pada tahun 2020 setelah mengambil kira semua komitmen adalah dianggarkan berjumlah RM129.24 juta.

Sekian, terima kasih.